

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak
 Jalan Meranek, 94300 KOTA SAMARAHAN
 Tel : +6082 - 677 200 / Fax : +6082 - 677 300 (Kampus Samarahan)
 Tel : +6082 - 678 200 / Fax : +6082 - 678 110 (Kampus Samarahan 2)
<http://sarawak.uitm.edu.my>



UNIVERSITI
 TEKNOLOGI
 MARA

Ruj Kami: 100UiTMKS(MASMED)9/10/5-2020/13(1)
 Tarikh: 3 Februari 2020

Prof Madya Dr. Saiful Bahari Mohd. Yusoff
 Universiti Malaysia Sarawak
 Jalan Dato Mohammad Musa
 94300 Kota Samarahan
 Sarawak

PELANTIKAN SEBAGAI PENYELIDIK BERSAMA BAGI PROJEK EKO PELANCONGAN ANJURAN UiTM SARAWAK

Sukacita dimaklumkan pihak UiTM Sarawak telah diberi mandat oleh Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) di bawah Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera Sarawak (DPUB) 2019 untuk mengetuai beberapa projek eko pelancongan bagi komuniti di Sarawak.

Perjanjian antara UiTM Sarawak dan TERAJU telah ditandatangani pada **19 September 2019** membawa nilai **RM1.55 juta**. Projek ini diletakkan di dalam kategori **Penyelidikan Kontrak** di bawah naungan Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI). Tempoh projek ini adalah selama **5 tahun** (2 tahun pelaksanaan, 1 tahun pemantauan UiTM dan 2 tahun pemantauan TERAJU). Projek bermula dari bulan Januari 2020 dan di jangka tamat pada Jun 2024.

Berikut adalah projek-projek eko pelancongan:

1. Projek Eko Pelancongan bagi memperkasakan sosio ekonomi komuniti di Kampung Pulau Salak, Santubong, Sarawak (Januari 2020-Disember 2023)
2. Projek Eko Pelancongan bagi memperkasakan sosio ekonomi komuniti di Kampung Punang, Lawas, Sarawak (April 2020-Mac 2024)
3. Projek Eko Pelancongan bagi pemerksaan pendapatan komuniti Murum, Sarawak (Julai 2020-Jun 2024)

Sehubungan dengan ini, diharapkan Dato'/Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan/ Puan, dapat menerima lantikan ini dan menyumbang kepakaran serta menjalankan tugas dengan penuh dedikasi. Semoga dengan usaha bersama ini, komuniti yang dipilih dapat memperkasakan pendapatan dan sosio ekonomi mereka dengan lebih baik.

Dilampirkan bersama-sama ini senarai lantikan bersama deskripsi tugas masing-masing. Segala sumbangan dan kerjasama yang diberikan diakhiri dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian. Selamat menjalankan tugas.

Yang benar,

Profesor Dato Dr. Jamil bin Hj Hamali
 REKTOR UiTM Sarawak

Anugerah Kualiti Naib Canselor 2015 (Kampus Negeri) (Kampus Negeri)	Anugerah Kualiti Naib Canselor 2010 & 2011 (Kampus Negeri)	Pemenang Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2010	Anugerah Inovasi & Kreativiti Setiausaha Persekutuan Sarawak 2010	Tempat Pertama Anugerah ICT Setiausaha Persekutuan Sarawak 2009	Persijilan Persekitaran Berkualiti SS 2009	Pengiktirafan Pengamal Kualiti (AKKMS 2008)	ISO 9001 : 2008 Certification by LRQA Provision Of Student Services and Development	Pemenang Anugerah Kualiti Ketua Pengarah MAMPU 2016	Pemcng Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2006	Pemenang Anugerah Kualiti UiTM 2006 Anugerah Gemilang
---	--	---	---	---	--	---	---	---	---	---

Perancangan Strategik, Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan, Pengurusan Proses & Pengukuran

USAHA, TAQWA, MULIA